

**HUBUNGAN FAKTOR DEMOGRAFI DAN LATIHAN
PENDIDIKAN USAHAWAN MARA DI NEGERI MELAKA
TERHADAP KEBERKESANAN USAHAWAN**

E.Suhartiningsih N Noto Sudarmo¹, Faudziah Hanim Hj Fadzil²

¹Pensyarah, Fakulti Inovasi Perniagaan & Perakaunan, Kolej Universiti Islam
Melaka

²Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui hubungan faktor demografi dan program pembangunan usahawan Bumiputera anjuran MARA di negeri Melaka terhadap keberkesanan usahawan daripada sudut pandangan responden yang terdiri daripada peserta program. Sampel kajian terdiri daripada 90 sampel kajian yang terdiri dari peserta kursus yang diambil dari tiga daerah di Melaka. Data kajian diperolehi dari dokumen-dokumen daripada pejabat MARA negeri Melaka dan borang kaji selidik diedarkan kepada usahawan berdasarkan senarai yang diberi oleh pejabat MARA negeri Melaka dan juga melalui borang kaji selidik. Kajian ini menggunakan beberapa variabel yang terdiri daripada, latar belakang usahawan, latar belakang keluarga, ciri-ciri peribadi usahawan latarbelakang penceramah dan modul program pembangunan MARA. Teknik statistik yang digunakan dalam analisis ini adalah korelasi, regresi sederhana, berganda, analisis regresi dan anova. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana hubungan faktor demografi dan pembangunan usahawan Bumiputera terhadap keberkesanan usahawan di negeri Melaka. Hasil kajian ini mendapati ciri-ciri personaliti, usahawan, latarbelakang keluarga dan latarbelakang penceramah serta modul program MARA memberikan sumbangan terhadap keberkesanan keusahawanan. Secara keseluruhannya, kajian ini mencadangkan kandungan program perlu diperbaiki iaitu perlu memperbanyakkan pengajaran kepada usahawan untuk berfikir seperti cara mengambil keputusan yang tepat, sesuai dengan persekitaran yang semakin mencabar. Selain itu, budaya keusahawanan perlu didedahkan kepada ibu bapa, sekolah dan masyarakat untuk membudayakan keusahawanan keseluruh lapisan masyarakat agar mereka yakin dan sama-sama membangun keusahawanan Bumiputera.

Kata kunci : Keberkesanan Usahawan MARA

RELATION OF DEMOGRAPHIC FACTOR AND MARA EMPLOYMENT EDUCATION TRAINING IN STATE OF MELAKA TO ENTREPRENEURSHIP EFFECTIVENESS

ABSTRACT

This study was undertaken to investigate the relationship between demographic factors and Bumiputera entrepreneur development program organized by MARA in Malacca on the effectiveness of entrepreneurs from the viewpoint of respondents from program participants. The sample consisted of 90 samples consisting of participants drawn from three districts in Melaka. Data were collected from documents from the Office of the MARA Malacca and survey forms were distributed to entrepreneurs based on the list provided by the Office of the MARA Malacca and also through survey forms. This study uses several variables consisting of, entrepreneurial background, family background, personal characteristics of the entrepreneur's background and the speaker module MARA development programs. Statistical techniques were used in this analysis is the correlation, simple regression, multiple regression analysis and ANOVA. The aim of this study was to determine the relationship between demographic factors and the development of Bumiputera entrepreneurs in the effectiveness of the state of Malacca. The results showed personality traits, entrepreneurs, family background and the background of the speaker and the MARA program modules contribute to the effectiveness of entrepreneurship. Overall, this study suggests that the program needs to be improved to increase the teaching entrepreneurs how to think like the right decision, according to an increasingly challenging environment. In addition, the entrepreneurial culture must be disclosed to the parents, school and community to cultivate entrepreneurship in all levels of society so that they are confident and equally develop Bumiputera entrepreneurship.

Keywords: MARA Entrepreneur Effectiveness

PENGENALAN

Usahawan dianggap sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat dan Negara. Masyarakat yang terbaik adalah masyarakat yang mempunyai usahawan yang paling ramai (Abdul Aziz 2008). Dengan demikian apabila semakin ramai usahawan dalam sesebuah Negara, boleh dikatakan usahawan merupakan nadi pembangunan Negara (Mc Clelland 2005). Secara keseluruhan kepentingan usahawan adalah dapat mengurangkan pengangguran

Negara, menambahkan pendapatan Negara, dan juga dapat menjana pembangunan ekonomi Negara semakin baik (Habibah Abdul Talib, 2014). Tetapi pada kenyataannya jumlah usahawan bumiputera di Malaysia masih kurang berbanding dengan usahawan bukan Bumiputera, ini kerana beberapa faktor di antaranya perbezaan latar belakang usahawan, latarbelakang keluarga usahawan dan ciri-ciri peribadi usahawan (Alam Jani, 2011). Usaha-usaha kerajaan telah banyak dilakukan seperti memberikan latihan dan pembangunan usahawan, pemberian pinjaman modal perniagaan secara Islam, Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) tetapi pencapaian usahawan Bumiputera masih ditahap yang membimbangkan (Hassan, Ramli, & Desa 2014). Matlamat kerajaan yang tidak kesampaian ini adalah kerana usahawan Bumiputera ketinggalan di bidang pendidikan, serta kurang pengalaman (Kuratko, 2005)

MARA adalah satu agensi kerajaan yang diamanahkan untuk membangunkan Bumiputera dalam bidang pendidikan dan keusahawanan untuk memartabatkan usahawan Bumiputera setanding dengan usahawan yang lainnya (Laporan Tahunan MARA 2014). MARA berjaya meningkatkan cendekiawan Bumiputera tetapi MARA belum berjaya untuk menambah jumlah usahawan Bumiputera seperti yang dirancang oleh pihak kerajaan (RMK 10).

Faktor penyebab usahawan Bumiputera ketinggalan dalam bidang pendidikan dan usahawan Bumiputera kurang pengalaman dalam bidang keusahawanan ini menimbulkan kurangnya penyertaan usahawan Bumiputera di Melaka pada 2014 dan ia juga telah menjejaskan agenda utama perancangan dan pelaksanaan keusahawanan di negeri ini. Tidak dapat dinafikan usahawan memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi negara, khususnya dalam melahirkan golongan professional dan tenaga mahir (Tan 2005). MARA merupakan salah satu agensi kerajaan yang diberi amanah untuk menambahkan jumlah usahawan Bumiputera melalui program latihan pendidikan usahawan telah berjaya melepasi target yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pendidikan dan latihan keusahawanan juga mengambil kira peranan individu, institusi pendidikan dan latihan yang disediakan oleh kerajaan (Miller 2012; Philip A. Wickham 2006). Sebahagian besar daripada mereka yang berjaya dalam perniagaan berasal daripada keluarga peniaga, manakala sebahagian kecil sahaja yang berasal daripada keluarga miskin dan bukan peniaga. Morris dalam Baharu (2010), seorang ahli perniagaan harus mempunyai personaliti yang mempunyai keyakinan yang tinggi, pandai berkomunikasi, mempunyai kemahiran berfikir dan mempunyai motivasi dalam dirinya untuk mencapai matlamat perniagaan. Oleh itu, komitmen mempertahankan keusahawanan mencapai keberkesanan dipengaruhi oleh faktor demografi dan program pembangunan keusahawanan bumiputera anjuran MARA di Melaka perlu diberi perhatian.

Berdasarkan masalah kajian diatas, kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan faktor demografi dan pembangunan usahawan MARA di negeri Melaka terhadap keberkesanan usahawan. Pelbagai bantuan serta kemudahan yang pihak kerajaan berikan, seperti penubuhan Kementerian Keusahawanan dan Koperasi,

penubuhan perbankan Islam, Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), yang bertujuan untuk memberikan kemudahan-kemudahan kepada usahawan Bumiputera, tetapi pencapaian usahawan Bumiputera masih ditahap yang membimbangkan. Oleh kerana itu, pengkaji ingin mengetahui lebih lanjut hubungan faktor demografi yang terdiri daripada latarbelakang usahawan, latarbelakang keluarga usahawan dan personaliti usahawan mempunyai hubungan terhadap keberkesanan usahawan.

Berlatar belakang masalah yang dinyatakan diatas, kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan faktor demografi dan pembangunan usahawan MARA terhadap keberkesanan usahawan. Faktor demografi yang dimaksudkan itu membabitkan latarbelakang usahawan latar belakang keluarga usahawan, dan ciri-ciri usahawan. Manakala faktor pembangunan usahawan pula mengandungi program dan latarbelakang penceramah. Selain itu, pengkaji juga ingin mengetahui sama ada usahawan yang mengikuti pembangunan usahawan MARA itu berjaya memperoleh pencapaian yang lebih baik ataukah tidak.

HIPOTESIS KAJIAN

Kajian lepas menyatakan bahawa faktor demografi dengan melalui pembangunan usahawan tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan Jani dan Omar (2011), berdasarkan dapatan kajian tersebut maka dapatlah di tentukan kajian seperti berikut.

- ❖ Hipotesis 1 : Faktor demografi melalui pembangunan usahawaan tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan.
Kajian lepas menyatakan bahawa latar belakang usahawan dengan melalui pembangunan usahawan tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan Kuratko, DF (2005)
- ❖ Hipotesis 2 : Latar belakang usahawan melalui pembangunan usahawan tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan.
Kajian lepas menyatakan jenis pekerjaan ibu bapa usahawan melalui pembangunan usahawan tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan Tan (2005).
- ❖ Hipotesis 3 : latar belang keluarga usahawan melalui pembangunan usahawan, tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan.
Kajian lepas menyatakan ciri-ciri peribadi usahawan, seperti perubahan strategi, tanggung jawab, membuat keputusan yang tepat, ibadah dan tidak

bergantung pada nasib melalui pembangunan usahawan tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan Morris (2010)

- ❖ Hipotesis 4 : Ciri-ciri peribadi usahawan, seperti perubahan strategi, tanggungjawab membuat keputusan yang tepat, ibadah dan tidak bergantung kepada nasib melain pembangunan usahawan tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan.
Kajian lepas menyatakam modul serta latar belakang penperamah yang terdiri daripada kelulusan bidang, pengalaman dan lamanya bekerja tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan Kuratko (2005)
- ❖ Hipotesis 5 : Latihan pembangunan usahawan yang terdiri daripada modul 1, 2 dan 3 serta latarbelakang penceramah yang terdiri daripada kelulusan bidang dan pengalaman tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan terhadap keberkesanan usahawan.

METODOLOGI

Kajian ini adalah suatu penyelidikan terhadap kursus latihan pendidikan usahawan terhadap keberkesanan usahawan MARA di negeri Melaka.

Dalam penyelidikan ilmiah ini melibatkan variable-variabel yang telah dikenalpasti serta menggunakan kaedah-kaedah sistematik serta menggunakan teknik analisa data, dua atau lebih pembolehubah, menggunakan analisa korelasi, analisa regresi dan analisa laluan. Dalam tajuk ini akan dihuraikan perkara-perkara berikut :

- ❖ Reka bentuk kajian :
Kajian ini termasuk ke dalam kategori deskriptif sebab kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan data untuk menguji hipotesis-hipotesis atau menjawab soalan-soalan penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk tesis dari subjek-subjek yang diselidik. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk tinjauan untuk mendapatkan maklumat bagi menjelaskan fenomena yang wujud dengan cara memberi borang soal selidik untuk menjawab semua pertanyaan yang berkenaan dengan usahawan, latarbelakang keluarga, ciri-ciri peribadi, program latihan pendidikan usahawan dan kesan daripada program tersebut (Moore, 2000). Kaedah tinjauan ini sesuai digunakan kerana ia bersifat saintifik logik dan khusus (Burns, 2010).
- ❖ Populasi kajian :

Populasi sasaran kajian ini berjumlah 120 orang, terdiri daripada usahawan yang pernah mengikuti kursus latihan pendidikan usahawan yang diadakan oleh MARA di tiga buah daerah yang terdapat di Melaka iaitu Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin yang diadakan oleh bahagian Latihan Pembangunan Usahawan Bumiputera MARA Melaka pada tahun 2005-2014 (Pejabat MARA Negeri Melaka).

❖ **Kaedah persampelan :**

Bagi tujuan ini, satu sampel bersaiz 90 orang usahawan yang pernah mengikuti kursus yang terdiri daripada peserta kursus Pendidikan Usahawan MARA, Melaka dari 3 buah daerah, terdiri daripada Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah. Pengambilan sampel seramai 90 orang ini diperolehi daripada $\frac{3}{4}$ populasi yang sebenarnya terdiri daripada 120 sampel kajian. Pemilihan sampel berdasarkan sampel rambang berlapis dimana diambil sampel berdasarkan 3 daerah dan masing-masing dipilih berdasarkan lokasi usahawan yang menjalankan perniagaan iaitu seorang usahawan kecil yang berniaga di pasar malam, seorang usahawan sederhana yang menyewa di bazar MARA dan seorang lagi usahawan besar yang menyewa ataupun membeli kedai. Rangkaian-rangkaian tersebut adalah peserta-peserta kursus program latihan pendidikan usahawan MARA negeri Melaka.

❖ **Pembinaan soal selidik**

Bagi mendapatkan data daripada responden, satu soal selidik telah dibina, soalan-soalan tentang keberkesanan dalam kajian ini disusun dengan berpandukan prinsip-prinsip umum yang biasa digunakan dalam penyusunan skala like 1

KEPUTUSAN

Hasil Analisis Data Tentang Sumbangan Pembolehubah Bebas dalam Kursus Pembangunan Keusahawanan dan Keberkesanan

Ciri-ciri peribadi	Pembangunan Keusahawanan				Keberkesanan			
	B	Kesa n	T	P	B	Kesa n	T	P
Bertanggung jawab	0.032	3.530	4.140	0.000	0.420	0.951	4.127	0.000
Strategi	0.052	2.483	3.557	0.000	0.104	0.898	1.531	0.001
Keputusan Tepat	0.032	3.530	4.140	0.000	0.297	0.941	3.331	0.001

*Hubungan Faktor Demografi Dan Latihan Pendidikan Usahawan Mara Di Negeri Melaka
Terhadap Keberkesanan Usahawan
E.Suhartiningsih N Noto Sudarmo & Faudziah Hanim Hj Fadzil*

Ibadah	-	2.283	-	0.229	-	-	-	0.021
Nasib	0.006	e	1.046		0.006	0.477	1.708	
	0.042	1.701	3.935	0.000	0.042	0.900	0.670	0.000
		e						
<hr/>								
Tenaga penceramah								
Pengalaman	0.051	4.848	4.129	0.278	0.504	0.728	1.534	0.129
Siswazah	0.020	e	2.188	1.193	0.479	0.064	0.722	0.442
		e					0.773	
Bidang	0.016	1.599	-	0.336	0.395	0.799	3.170	0.002
		e	1.046					
<hr/>								
Pendidikan								
Modul I	0.031	0.325	1.690	0.000	0.199	0.911	1.094	0.277
Modul II	0.244	0.214	6.802	0.000	0.907	0.918	2.176	0.032
Modul III	0.286	0.266	3.036	0.000	0.340	0.903	3.316	0.002
<hr/>								
Latar Belakang Keluarga								
Pekerjaan Bapa	0.007	8.405	0.520	0.623	-	-	-	0.275
		e			0.051	0.165	1.098	
Pekerjaan Ibu	0.013	1.785	-	0.373	0.055	0.185	1.197	0.235
		e	0.962					
<hr/>								
Latar Belakang Usahawan								
Umur	0.101	1.095	1.050	0.970	0.124	0.161	0.244	-0.470
Jantina	0.199	9.601	0.483	0.630	-	-	0.085	0.241
					0.970	0.106		
Ramainya adik-beradik	0.323	3.174	0.977	0.331	0.114	0.750	0.085	-0.380
Tempat Dibesarkan	0.199	-	-	0.000	0.331	0.011	0.362	0.000
		1.089	5.461					
<hr/>								
Keberkesanan	1.000	0.999	0.884	0.000	0.928			
-an								
Pembangun								

-an

Usahawan

P = 0.05*	- signifikan pada paras $P < 0.05$	R = 1.000
0.10**	- signifikan pada paras $P < 0.10$	R = 1.000
0.01***	- signifikan pada paras $P < 0.01$	P = 0.000
T = 6.732		
R = 0.928		

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini boleh membuktikan hipotesis 1 hingga hipotesis 5 ;

Hipotesis 1; Faktor demografi melalui pembangunan usahawan mempunyai hubungan yang signifikan dan memberikan sumbangan terhadap keberkesanan usahawan.

Hipotesis 2; Latar belakang usahawan , seperti umur, jantina, tahap pendidikan asal usul usahawan , ramainya adik beradik melalui pembangunan usahawan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dan tidak memberikan sumbangan terhadap keberkesanan usahawan.

Hipotesis 3: Latar belakang keluarga usahawan seperti jenis pekerjaan bapa ibu usahawan, tidak mempunyai hubungan dan tidak memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan.

Hipotesis 4: Ciri-ciri peribadi usahawan, seperti perubahan strategi, tanggungjawab membuat keputusan yang tepat, ibadah dan tidak bergantung kepada nasib mempunyai hubungan dan t memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keberkesanan usahawan.

Hipotesis 5: Pembangunan usahawan MARA yang terdiri daripada modul 1, 2 dan 3 serta latarbelakang penceramah yang terdiri daripada kelulusan bidang dan pengalaman mempunyai hubungan dan memberikan sumbangan terhadap keberkesanan usahawan.

RUJUKAN

- Alam, S. S., Jani, M. F. M., & Omar, N. A. (2011). An empirical study of success factors of women entrepreneurs in southern region in Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 3(2), 166.
- Burns, P. (2010). *Entrepreneurship and Small Business: Start-up. Growth and Maturity*. Palgrave Macmillan.
- Habibah Abdul Talib, H., Anuar Mohd Ali, K., & Idris, F. (2014). Critical success factors of quality management practices among SMEs in the food processing industry in Malaysia. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 21(1), 152-176.
- Hassan, F., Ramli, A., & Desa, N. M. (2014). Rural women entrepreneurs in Malaysia: what drives their success?. *International Journal of Business and Management*, 9(4), 10.
- Jaafar, M., & Rashid Abdul Aziz, A. (2008). Entrepreneurship education in developing country: Exploration on its necessity in the construction programme. *Journal of Engineering, Design and Technology*, 6(2), 178-189.
- Kuratko, D. F. (2005). The emergence of entrepreneurship education: Development, trends, and challenges. *Entrepreneurship theory and practice*, 29(5), 577-598.
- McClelland, E., Swail, J., Bell, J., & Ibbotson, P. (2005). Following the pathway of female entrepreneurs: A six-country investigation. *International journal of entrepreneurial behavior research*, 11(2), 84-107
- Miller, T. L., Grimes, M. G., McMullen, J. S., & Vogus, T. J. (2012). Venturing for others with heart and head: How compassion encourages social entrepreneurship. *Academy of management review*, 37(4), 616-640.
- Moore, D. P. (2000). *Careerpreneurs: Lessons from Leading Women Entrepreneurs on Building a Career without Boundaries*. Davies-Black Publishing, 3803 East Bayshore Road, Palo Alto, CA 94303.
- Morris, M. H., Kuratko, D. F., & Covin, J. G. (2010). *Corporate entrepreneurship & innovation*. Cengage Learning.

Journal of Business Innovation
Jurnal Inovasi Perniagaan
Volume 2 No. 1 / 2017: 73-82

Tan, W. L., Williams, J., & Tan, T. M. (2005). Defining the 'social' in 'social entrepreneurship': Altruism and entrepreneurship. *The International Entrepreneurship and Management Journal*, 1(3), 353-365.

Wickham, P. A. (2006). *Strategic entrepreneurship*. Pearson Education.